

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOHO [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan hasil daripada permohonan dan kelulusan untuk cermin gelap bagi kenderaan-kenderaan individu. Berapakah kelulusan khas untuk cermin gelap kenderaan telah diberikan oleh Menteri Pengangkutan sejak bulan Mac 2020.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) bertanggungjawab bagi memberikan kelulusan penggunaan cermin gelap.
2. Fi bagi kelulusan penggunaan cermin gelap telah diperkenalkan mulai Jun 2019 dan fi ini hanya dikenakan bagi permohonan atas faktor keselamatan sahaja dan tiada fi dikenakan bagi permohonan atas faktor kesihatan.
3. Jumlah fi yang telah dikutip sejak Jun 2019 sehingga September 2020 adalah seperti berikut :

<b>KUTIPAN</b>	<b>AMAUN (RM)</b>	
	<b>2019* (JUN-DIS)</b>	<b>2020</b>
<b>FI PERMOHONAN</b>	<b>44,390.00</b>	<b>33,850.00</b>

**SOALAN NO : 512**

FI PERAKUAN	1,275,000.00	1,120,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,319,390</b>	<b>1,153,850.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,473,240.00</b>	

4. Kelulusan khas untuk penggunaan cermin gelap kenderaan yang telah diberikan oleh sejak bulan Mac 2020 adalah sebanyak 57 kelulusan.

Sekian, terima kasih.